



UKK/600-01/05 (89)

SIARAN MEDIA

SIMPOSIUM KURATORIAL: NARATIF NUSA DALAM ASEAN

7 DISEMBER 2024 – Balai Seni Negara akan menganjurkan ***Simposium Kuratorial: Naratif Nusa Dalam ASEAN*** pada **11 dan 12 Disember 2024**, bertempat di **Auditorium, Balai Seni Negara**. Simposium yang julung kali diadakan ini memberi penekanan kepada hubungan antara naratif budaya, identiti sejarah, dan seni visual dalam konteks ASEAN, dengan tujuan memupuk kerjasama dan persefahaman antara negara-negara anggota ASEAN melalui perkongsian daripada pakar-pakar terkemuka dari pelbagai negara.

Antara panel yang terlibat ialah wakil daripada Kementerian Luar Negeri yang akan membincangkan hubungan diplomatik negara-negara ASEAN, Dr. Zaimie Sahibil dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengenai seni visual dalam lingkungan Nusantara, manakala Prof. Madya Dr. Zaini Othman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan membincangkan isu identiti politik dan etnografi di negara-negara ASEAN, dengan fokus kepada nasionalisme dan keselamatan.

Selain itu, I Wayan Seriyoga Parta (Indonesia) akan berkongsi pengetahuan mengenai sejarah dan budaya visual di Sulawesi dan Kalimantan, sementara Al Nezzar B. Ali (Filipina) akan membincangkan praktis seni kontemporari dan budaya visual di Mindanao, Palawan, dan Tawi-Tawi. Sesi terakhir akan menampilkan Anwar Rachman (Indonesia), mengupas mengenai seni kontemporari dan budaya visual empat negara iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, dan Filipina.

Simposium ini dilihat bakal memberi pendedahan yang mendalam mengenai bagaimana naratif budaya, sejarah, dan identiti bangsa di ASEAN terbentuk dan mempengaruhi hubungan serantau. Orang ramai dijemput hadir untuk menyertai simposium ini, yang akan berlangsung bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Penyertaan adalah percuma. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my